

Headline	Kos tinggi selenggara jalan dirosak pokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14,15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	946 cm ²
Journalist	Nadia Hamid	AdValue	RM 32,609
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,828



[FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]

**Fakta
nombor**

RM20,000
KOS

selenggara setiap
kes jalan rosak
akibat retak

100,000
KILOMETER

jalan Persekutuan
dan negeri
diselenggara JKR

**Akar pokok
yang
merosakkan
longkang
di tepi jalan
raya sepanjang
Taman Desa,
Kuala Lumpur.**

Kos tinggi selenggara jalan dirosak pokok

→ JKR tanggung kerugian kerana akar jejakan kemudahan

Oleh Nadia Hamid, Wan Nur Faliqha Wan Hazani dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Kerja Raya (JKR) menanggung kerugian besar kerana terpaksa membelanjakan kira-kira RM10,000 hingga RM20,000 bagi menyelenggara setiap kes jalan rosak atau retak akibat akar pokok dan bencana alam yang menyebabkan dahan patah atau pokok tumbang.

Jalan yang perlu diselenggara JKR membatikan laluan sejauh 100,000 kilometer di jalan Persekutuan dan jalan negeri saja, manakala kerja selenggara jalan bandaran yang rosak akibat kes akar pokok menjalar hingga jalan retak serta membahayakan keselamatan pengguna adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri yang menerima peruntukan geran selenggara jalan daripada Kementerian Kewangan.

Pengurus Kanan Jurutera Cawangan Senggara, Bahagian Pengurusan Fasilitas, Kementerian Kerja Raya, Zulakmal Sufian, berkata banyak pihak terbabit menguruskan proses selenggara jalan rosak termasuk syarikat konsesi yang ditugaskan menjalankan rondaan dan pemantauan setiap hari.

Katanya, pegawai bertugas akan melaporkan segera kejadian atau kerosakan yang berlaku dengan mengambil tindakan menutup jalan dalam tempoh sejam selepas kejadian, menyelesaikan kerja baik pulih atau melaksanakan kerja penyelenggaraan selewat-lewatnya dalam tempoh 24 jam.

Ada pokok mudah tumbang

"Kita tidak nafikan berlaku kes pokok yang ditanam mudah tumbang hingga mengancam keselamatan pengguna, namun biasanya ia membabitkan pokok tua berusia lebih 100 tahun, pokok yang ada di jalan bandaran atau jalan kecil.

"Faktor lain menyebabkan lapisan tar tidak tahan lama dan mudah rosak kerana keadaan iklim negara ini kerap berubah hingga struktur bitumen (minyak tar) mengeras dan merekah ketika cuaca panas, manakala struktur tanah di bawah lapisan tar jerlus ketika hujan.

"Ketidakseimbangan berkenaan dan kekerapan kenderaan berat seperti lori berulang-alik menggunakan jalan itu menyebabkan akar po-

kok menjalar keluar di permukaan, sekali gus jalan rosak lebih cepat iaitu kurang daripada enam tahun," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Zulakmal berkata, setiap jenis pokok ditanam di pinggir jalan memiliki fungsi penting terhadap ekosistem alam sekitar dan perlu menepati garis panduan JKR, Jabatan Landskap Negara dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Antara garis panduan penanaman pokok di kaki lima jalan bagi meredakan suasana dan mengurangkan kesan kejadian pulau haba ialah kedudukan jarak pokok renek sekurang-kurangnya tiga meter daripada longkang dan jalan raya.

Selain itu, pokok tidak dibenarkan tanam di tepi jalan tar tanpa longkang bagi mengelak masalah akar keluar di permukaan jalan dan dahan pokok patah.

Pokok sakura amat sesuai

Sementara itu, pokok sakura atau nama saintifiknya *Tekoma Tebebuia Rosea* yang banyak ditanam di sekitar jalan di Kedah menepati garis panduan perancangan landskap ditetapkan.

"Pokok sakura tidak membahayakan keselamatan pengguna dan sesuai ditanam dengan jarak 12 meter dari tepi jalan, manakala kelebaran jalan itu pula perlu 30 meter ke atas," katanya.

Info

Pokok di tepi jalan raya

→ Pokok ditanam selepas pembinaan longkang, bukan tepi jalan tar untuk elak masalah akar dan dahan patah.

→ **Untuk lebar jalan** (12-20 meter) - jarak tanaman mesti sejauh lapan meter dari jalan.

→ **Untuk lebar jalan** (30 meter ke atas) - jarak tanaman mesti sejauh 12 meter dari jalan

Pokok ansana dan pokok khaya yang ditanam di sekitar Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur.



Headline	Kos tinggi selenggara jalan dirosak pokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14,15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	946 cm ²
Journalist	Nadia Hamid	AdValue	RM 32,609
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,828

